



## PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan/profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



### SPM



#### » LATIHAN SEPARA PERUBATAN BERTARAF DIPLOMA

( Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juru X-Ray, Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Jurupulih Perubatan (Anggota), Jurupulih Perubatan (Cara Kerja), Jururawat (PSL), Penolong Pegawai Farmasi )  
(Kementerian Kesihatan Malaysia)  
- 1,582 kekosongan

#### » LATIHAN SEPARA PERUBATAN BERTARAF SIJIL

(Pembantu Pembedahan Pergigian, Pembantu Kesihatan Awam)  
(Kementerian Kesihatan Malaysia)  
- 156 kekosongan

Pendaftaran permohonan jawatan adalah sepanjang masa dan hanya diterima melalui *online* sahaja. Sebarang surat menyurat dan penghantaran *resume* tidak diperlukan. Tempoh sah laku permohonan adalah setahun. Urusan pengambilan adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh Jabatan dan hanya calon yang berjaya melepasi tapisan akan dipanggil temu duga.

Dalam bulan Januari ini, SPA akan melaksanakan urusan pengisian jawatan kosong untuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Calon - calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan-jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup untuk permohonan baru adalah sebelum atau pada **14 Januari 2018 (Ahad) jam 11.59 malam**.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA : <http://www.spa.gov.my>**

Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui <http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas/latihan-separa-perubatan>